

**KAJIAN KEMUNGKINAN PENGWUJUDAN
PERKHIDMATAN MAKLUMAT SECARA
PENGSWASTAAN DI LEMBAH KELANG**

Oleh:

Zohra Ibrahim

Salmah Salleh

Mohd Sharif Mohd Saad

April, 1989

**Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat
Institut Teknologi MARA
Jalan Othman
46000 PETALING JAYA**

Ringkasan:

Maklumat sekarang tidak boleh di anggap sebagai bahan yang percuma. Disebabkan oleh kegunaan teknologi dan perkembangan teknologi maklumat serta pembiakan sumber sumber dan bahan maklumat, masyarakat telah sedar akan kepentingannya dan masyarakat sekarang inginkan maklumat diberi dalam bentuk yang berlainan. Mereka memerlukan maklumat yang dianalisa, diringkaskan serta dalam keadaan sedia ada, dan senang digunakan. Disebabkan oleh perkembangan ini kami fikir di Lembah Kelang juga perlu diwujudkan syarikat atau agensi yang hanya bertugas menyediakan maklumat dalam satu bentuk yang senang dirujuk dan didapatkan kembali serta digunakan (repackaging of information). Juga memandangkan negara kita sedang giat mempraktikkan konsep pengswastan kami fikir industri maklumat juga boleh diwujudkan. Selain dari menyediakan maklumat dalam bentuk yang senang digunakan, industri maklumat juga bermaksud pembayaran kepada perkhidmatan maklumat serta maklumat tersebut. Maklumat yang disediakan adalah spesifik kepada kehendak pelanggan dan menepati tujuan pengguna tersebut. Dengan penyelidikan ini juga kami berharap untuk mengetahui jenis maklumat serta sumber sumber maklumat yang kerap digunakan oleh pihak perniagaan, arkitek, dan peguam. Di harap juga mendapat pandangan secara umum akan penerimaan masyarakat terhadap perkhidmatan maklumat yang berbayar.

Penemuan-penemuan yang diperolehi akan memberi gambaran akan situasi industri maklumat di suatu kawasan sahaja. Dengan gambaran ini satu penyelidikan yang menyeluruh keseluruhan negara dapat dijalankan untuk mengetahui keadaan sebenar industri ini dan kebolehan agensi agensi maklumat beroperasi diseluruh negara.

KANDUNGAN

mukasurat

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Latarbelakang Penyelidikan	1
1.2	Sejarah Dan Kaitan Dengan Penyelidikan Lain Yang dijalankan	4
1.3	Garis Panduan Penyelidikan	9
1.4	Skop Penyelidikan	10
1.5	Definisi	11

BAB 2: KAEDAH PENYELIDIKAN

2.1	Populasi	15
2.2	Sampel	15
2.3	Kajian Rintis	17
2.4	Masa Penyelidikan	19
2.5	Soalselidik	20
2.6	Penganalisaan	21

BAB 3: PENEMUAN	
3.1 Penggunaan Maklumat	22
3.2 Jenis Maklumat	24
3.3 Cara dan Sumber Mendapatkan Maklumat	26
3.4 Pembayaran Perkhidmatan	28
BAB 4: KEPUTUSAN	32
BAB 5: CADANGAN	44
BAB 6: PENUTUP	61
NOTA KAKI	63
BIBLIOGRAFI	65

BAB 1: PENGENALAN.

1.1 Latarbelakang Penyelidikan.

Penyelidikan ini telah dijalankan berdasarkan atas kesedaran akan keperluan pelajar-pelajar Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat (KSPM) dalam mempelbagaikan kerjaya mereka, memandangkan peluang pekerjaan di perpustakaan atau pusat maklumat adalah sangat berkurangan dan tidak begitu menggalakkan.

Ini juga disebabkan oleh persaingan di kalangan para graduan, dan terdapat kelembapan dalam kewujudan perpustakaan-perpustakaan baru di negara kita. Persoalan yang timbul di sini ialah dengan hanya diploma yang diperolehi, apakah para graduan boleh menghadapi hidup tanpa bekerja makan gaji. Sejauh manakah para graduan sanggup menceburi bidang keusahawanan yang mencabar?. Atas konsep usahawan dan mempelbagaikan usaha, adalah difikirkan bahawa pelajar-pelajar lepasan KSPM ini boleh menceburi perniagaan dalam bidang maklumat. Seringkali dan saban hari Kerajaan menggesa agar para graduan menjalankan perniagaan dalam pelbagai bidang dan persoalan yang timbul di sini, apakah bidang maklumat ini boleh diniagakan?.

Kita telah dibesarkan dan dikelilingi di dalam suasana di mana perkhidmatan maklumat diberikan secara percuma. Perkhidmatan maklumat pada pandangan masyarakat adalah perkhidmatan yang boleh diperolehi dari perpustakaan dan hanya terhad kepada perkhidmatan pinjaman bahan dan memperolehi maklumat yang diperlukan oleh pengguna sahaja.